

Headline **TH mahu kontrak dengan MAS**
Date **03 Jan 2010**
MediaTitle **Mingguan Negeri**
Section **Dlm Negeri**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **459,793 / 1,854,000**

Language **Malay**
Page No **12**
Article Size **368 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **8,244**
PRValue **24,732**



Berhubung cadangan 10 tahun penghantaran jemaah haji ke Mekah **TH mahu kontrak dengan MAS**

HASHNAN ABDULLAH

SEPANG 2 Jan. – Tabung Haji (TH) sedia berbincang dengan Penerbangan Malaysia (MAS) berhubung cadangan kontrak 10 tahun bagi penghantaran jemaah haji ke Mekah bermula tahun ini berbanding tiga tahun sebelum ini.

Pengerusinya, Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor berkata, ini kerana pihaknya memang berpuas hati dengan perkhidmatan MAS dan juga selaras usaha Tabung Haji untuk mempercekapkan kualiti perkhidmatan kepada jemaah haji.

"Kita ada pengalaman yang lama dengan MAS dan kita selesa dengan perkhidmatan diberi selama ini.

"Tetapi paling penting kita mahu jemaah haji selesa dengan perkhidmatan Tabung Haji termasuk dari segi faktor kewangan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyambut ketibaan rombongan terakhir jemaah haji Malaysia di Lapangan Terbang

Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini hari ini.

Kumpulan terakhir itu melibatkan 347 jemaah haji.

Cadangan kontrak baru itu dikatakan bakal memudahkan kedua-dua pihak menguruskan kos penerbangan dengan lebih baik akibat ketidaktentuan harga bahan api masa kini.

Kontrak penerbangan Tabung Haji dengan MAS selama tiga tahun sedia ada akan tamat pada bulan ini.

Mengenai operasi Tabung Haji bagi musim haji tahun ini, Abi Musa berkata, ia berjalan lancar tanpa sebarang masalah yang tidak dapat diselesaikan.

"Tetapi kita tetap akan menilainya supaya boleh memberi perkhidmatan yang lebih baik pada musim-musim haji akan datang," katanya.

Sementara itu, beberapa jemaah haji yang ditemui hari ini berpuas hati dengan perkhidmatan Tabung Haji sepanjang mengerjakan haji dan umrah.

Salah seorang daripada mereka, Mohd. Shaari Salleh, 73, berkata,

beliau selesa dengan perkhidmatan yang diberikan walaupun terpaksa berada di Mekah lebih 50 hari.

"Saya sudah 30 kali mengerjakan haji sejak tahun 1979 dan saya lihat perkhidmatan Tabung Haji semakin bagus," katanya.


Zakaria Osman, 82, juga berpuas hati dengan perkhidmatan Tabung Haji sepanjang berada di Mekah dan Madinah.

"Sepanjang mengerjakan haji bersama isteri, kami tidak ada masalah dan semuanya berjalan dengan lancar," katanya.



ABI MUSA ASA'ARI

| | | | |
|-------------|-----------------------------------|--------------|---------------------------|
| Headline | TH mahu kontrak dengan MAS | Language | Malay |
| Date | 03 Jan 2010 | Page No | 12 |
| MediaTitle | Mingguan Malaysia | Article Size | 368 cm² |
| Section | Dlm Negeri | Color | Full Color |
| Journalist | N/A | ADValue | 8,244 |
| Frequency | Daily | PRValue | 24,732 |
| Circ / Read | 459,793 / 1,854,000 | | |



DR. ROSHIDAH Ramly (tengah) antara rombongan terakhir jemaah haji yang pulang mendapatkan ibunya Rosiah Mahat sambil diperhatikan abangnya Ramly Ismail dan Kamariah Ismail (isteri) sejurus tiba di KLIA, Sepang, semalam.